

Jangkaan inti pati Bajet 2019



Oleh DR. MOHD. YUSOF SAARI

BAJET 2019 dijadual akan dibentangkan di Parlimen pada 2 November 2018. Bajet 2019 dijangka menjadi perdebatan hangat dalam kalangan umum kerana dua. Pertamanya, ia adalah bajet sulung di bawah kerajaan Pakatan Harapan dan keduanya rakyat meletakkan harapan besar kepada agenda pemulihan ekonomi terutamanya yang berkait dengan isu kos sara hidup.

Penulisan ini mengupas dua aspek berkaitan dengan Bajet 2019. Bahagian pertama membincang antara jangkaan inti pati utama yang terdapat di dalam Bajet 2019. Bahagian kedua mengupas antara perkara-perkara utama yang perlu diberi perhatian di dalam kerangka Bajet 2019.

Jangkaan

Empat perkara berikut dijangka menjadi antara inti pati utama di dalam Bajet 2019.

1. Pengecilan bajet

Pada 1 September 2018 kerajaan telah beralih daripada sistem percukaian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Peralihan ini akan menyebabkan hasil cukai kerajaan berkurangan sebanyak 11 peratus berbanding dengan sumbangan GST. Di bawah pelaksanaan SST, kerajaan dijangka mengutip sejumlah RM21 bilion pada tahun depan berbanding RM44 bilion menerusi GST.

Dengan mengambil kira paras hutang semasa negara, pengurangan hasil cukai kerajaan dijangka memberi dua implikasi kepada ekonomi. Pertama, perbelanjaan kerajaan akan menguncup selari dengan jumlah kutipan hasil yang berkurangan. Kedua, wujud kecenderungan untuk kerajaan memperkenalkan cukai baharu seperti cukai soda bagi menampung jumlah hasil yang berkurangan.

Cukai soda dikenakan ke



RAKYAT meletakkan harapan besar kepada agenda pemulihan ekonomi khususnya berkait isu kos sara hidup bagi Bajet 2019. – Gambar hiasan

atas minuman berkarbonat dan jika kerajaan mengenakan 10 peratus cukai, hasil bersih kerajaan dianggarkan bertambah sebanyak RM156 juta.

2. Perubahan corak perbelanjaan

Menyedari kepentingan perbelanjaan pembangunan sebagai pelaburan jangka panjang ekonomi, Bajet 2019 dijangka memberi peruntukan yang lebih tinggi kepada perbelanjaan pembangunan berbanding peruntukan Bajet 2018 dan 2017.

Untuk rekod, peruntukan perbelanjaan pembangunan di bawah Bajet 2018 dan 2017 adalah sama iaitu RM46 bilion. Tetapi peratusan kepada jumlah perbelanjaan berkurangan daripada 17.5 peratus tahun 2017 kepada 16.3 peratus tahun 2018 akibat daripada pertumbuhan perbelanjaan mengurus yang lebih besar.

3. Utama kualiti pertumbuhan

Jajaran semula diperlukan ke atas pendekatan-pendekatan yang dirancang bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan pendapatan.

Prestasi pertumbuhan ekonomi semasa kebelakangan ini adalah baik. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun 2017 mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan pada kadar 5.9 peratus.

Pertumbuhan ini adalah tertinggi jika dibandingkan dengan tahun 2015 dan 2016 yang mencatat pada kadar 5 peratus dan 4.2 peratus.

Bagaimanapun, pertumbuhan ini dilihat tidak memberi manfaat yang saksama kepada rakyat.

Setiap Ringgit nilai pertumbuhan yang dijana, 35 sen hingga 38 sen sahaja akan diterima oleh buruh dalam bentuk gaji dan upah manakala 65 sen hingga 62 sen diterima dalam bentuk keuntungan perniagaan.

Kesannya, rakyat terbeban dengan kenaikan kos sara hidup akibat pertumbuhan gaji dan upah lebih perlahan berbanding pergerakan harga barang.

4. Penilaian semula mekanisme bantuan kewangan

Jumlah dan mekanisme bantuan kewangan seperti BRIM dijangka dikaji semula berdasarkan kedudukan kewangan semasa kerajaan dan sejauh mana bantuan tersebut menyumbang kepada produktiviti.

Wujud dua kemungkinan iaitu sama ada jumlah bantuan kewangan dikurangkan atau mekanisme bantuan ditambah baik.

•DR. MOHD. YUSOF SAARI adalah pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM dan juga Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, UPM.